

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RME 457 - Pengurusan Tapakbina

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B

Bahagian A

1. "Setiap keputusan dan tindakan yang diambil oleh seseorang pengurus tapakbina tetap mempunyai implikasi undang-undang". Bincangkan pernyataan ini.

( 25 markah )

2. Wang hanyalah merupakan suatu faktor kepuasan bukannya suatu faktor motivasi. Apakah dengan membayar upah yang lebih kepada seseorang buruh binaan dapat merangsangkan-nya untuk menghasilkan kadar pengeluaran yang lebih baik? Bagaimanakah dapat anda merangsangkan seseorang buruh binaan agar ia terus bekerja dengan tekun dan produktif?

( 25 markah )

...2/-

3. (a) Bincangkan faktor-faktor persekitaran dan fisiologi yang selalu mengakibatkan masalah kesihatan kepada para pekerja di tapak bina.

( 15 markah )

- (b) Nyatakan jenis-jenis dan implikasi perlindungan insurans yang diperlukan di dalam kontrak JKR 203A.

( 10 markah )

Bahagian B

4. (a) Bincangkan garispanduan kerja-kerja awalan untuk membina dan menyiapkan sebuah bangunan pejabat kerajaan dua tingkat dengan keluasan lantai  $20,000\text{m}^2$ .

( 15 markah )

- (b) Sebelum menerima tapak projek tersebut, apakah perkara-perkara penting yang harus anda bincangkan di dalam mesyuarat tapak yang pertama?

( 10 markah )

5. Walaupun sesuatu sistem kawalan keselamatan yang di-praktiskan di sesebuah tapak bina itu berkesan, namun kemalangan tetap juga berlaku. Bincangkan.

( 25 markah )

6. (a) Sediakan permohonan bayaran kemajuan kerja kedua bagi sebuah projek binaan berdasarkan kepada maklumat-maklumat berikut:

- (i) Nilai kontrak = \$300,000
- (ii) Nilai kontrak semasa = \$320,000
- (iii) Kos luar jangka ialah 5% daripada nilai kontrak
- (iv) Kos Prima = \$30,000 (belum digunakan)
- (v) Bayaran kemajuan pertama = \$30,000
- (vi) Arahan perubahan pertama (kerja menambun tanah)  
= \$20,000
- (vii) Arahan perubahan kedua (kerja membuat parit)  
= \$15,000
- (viii) Bahan-bahan di tapak bernilai \$60,000
- (ix) Nilai tahanan 5% setiap bayaran kemajuan

Anda boleh membuat andaian-andaian sendiri.

( 15 markah )

(b) Sediakan aliran kewangan semasa bagi projek tersebut yang mesti siap di dalam masa 6 bulan. Keuntungan yang dijangkakan ialah 20% daripada nilai kontrak sebenar. Kadar pinjaman ialah 12% setahun.

( 10 markah )